



Apa Yang Anda Boleh  
Lakukan Dengan Bonus  
Tahunan



Memilih Kad Perubatan  
Yang Sesuai



Mengenal Pasti  
Penipuan Kewangan  
Berkaitan Pinjaman  
Peribadi



# Mewariskan Harta Kepada Orang Tersayang

ISSN 2180-3684



9 772180 368003



GABUNGAN  
PERSATUAN-PERSATUAN  
PENGGUNA MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Mewariskan Harta Kepada Orang Tersayang

Penulisan wasiat merupakan perkara yang sering dianggap sebagai sesuatu yang remeh. Hanya kira-kira 2% daripada penduduk Malaysia yang telah menulis wasiat. Majoriti penduduk 'terlepas pandang' tentang kepentingan menulis wasiat.

Berdasarkan rekod Bahagian Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, kira-kira RM60 bilion jumlah harta tidak dituntut oleh waris si mati sehingga tahun 2016.

Adakah penulisan wasiat benar-benar diperlukan? Mari kita lihat beberapa persoalan umum dan akibat tidak menulis wasiat.

## Kebaikan Mempunyai Wasiat

### A. Secara Konvensional

Jadual di bawah menunjukkan kelebihan menulis wasiat dan akibat meninggalkan keluarga anda tanpa menyediakannya.

#### Jika seseorang meninggal dunia dengan wasiat

Harta pusaka akan diberi kepada waris pilihan anda.

Anda berhak memilih pentadbir aset yang bakal melaksanakan wasiat. Anda juga boleh melantik penjaga yang boleh menjaga kebajikan anak-anak anda sehingga mereka matang.

Kos untuk memproses pembahagian harta adalah rendah dan hanya mengambil masa beberapa bulan. Wasiat akan memastikan orang tersayang mendapat jaminan daripada sudut kewangan, selain mengelakkan konflik antara ahli keluarga.

#### Jika seseorang meninggal dunia tanpa wasiat

Tanpa mempertimbangkan keperluan waris, harta pusaka akan dibahagikan mengikut Akta Pembahagian 1958 dan bukannya mengikut kehendak anda.

Mahkamah akan membuat keputusan untuk anda.

Proses pembahagian mungkin melibatkan kos yang tinggi, dan dalam kes yang melibatkan konflik kekeluargaan, yuran guaman boleh melonjak berlipat kali ganda kerana kes-kes sebegini boleh mengambil masa sehingga beberapa tahun untuk diselesaikan. Keadaan ini menyebabkan keluarga anda menghadapi masalah kewangan dan persengketaan sebelum dapat mewarisi pusaka anda.

Sering kali, pertikaian tentang pembahagian harta si mati menyebabkan perselisihan sesama ahli keluarga. Persediaan wasiat boleh mengelakkan konflik yang mungkin berlaku pada masa depan apabila berlaku kematian.



*“Sering kali, pertikaian tentang pembahagian harta si mati menyebabkan perselisihan sesama ahli keluarga.”*



*“Kebaikan tentang pembahagian harta si mati  
dapat mengelakkan perselisihan sesama ahli keluarga.”*

## B. Secara Islam

Bagi orang Islam, wasiat hendaklah ditulis mengikut undang-undang Islam. Wasiat perlu bagi orang Islam. Tanpa penyediaan wasiat, harta pusaka akan dibahagikan mengikut kaedah Faraid, yang menyebabkan anak angkat atau anak tiri tidak layak mewarisi apa-apa harta.



### Jika seorang Muslim meninggal dunia dengan wasiat

Selepas menolak hutang dan liabiliti, seorang Muslim boleh memilih untuk menyumbang 1/3 daripada harta pusakanya kepada bukan waris, dan bakinya akan diberi kepada waris Faraid (mengikut undang-undang).

Sesiapa boleh menjadi waris anda, (pengagihan lebih daripada ½ harta pusaka kepada bukan waris memerlukan persetujuan daripada waris, tetapi walaupun tanpa persetujuan mereka, pengagihan boleh dilakukan sebagai Hibah semasa anda masih hidup).

Kebaikan lain adalah sama dengan wasiat secara konvensional.

# Sidang Redaksi

## Penasihat

Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason  
Presiden FOMCA

## Ketua Sidang Pengarang

Dato' Paul Selva Raj

## Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

## Sidang Pengarang

Mandeep Singh  
Shabana Naseer Ahmad

*Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my) dan [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)*

## Gabungan Persatuan-Persatuan

### Pengguna Malaysia

No. 24, Jalan SS1/22A  
47300 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-7876 2009  
Faks : 03-7873 0636  
E-mel : [fomca@fomca.org.my](mailto:fomca@fomca.org.my)  
Sesawang : [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my)

### Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2698 8044  
Faks : 03-2174 1515

### Diurus terbit oleh: Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 24, Jalan SS1/22A  
47300 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-7875 2392  
Faks : 03-7875 5468  
E-mel : [info@crcc.org.my](mailto:info@crcc.org.my)  
Sesawang : [www.crcc.org.my](http://www.crcc.org.my)

### Dicetak oleh:

فوجیتیکي اساس جاي (مليسيا) سنديرين برحد

### Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd

No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2  
Bandar Puchong Jaya  
47100 Puchong Jaya  
Selangor Darul Ehsan

*Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.*

### Jika seorang Muslim meninggal dunia tanpa wasiat

Harta akan diagihkan mengikut undang-undang Faraid. Andaikan kedua-dua ibu bapanya telah meninggal dunia, 1/8 daripada harta pusaka si mati akan diberi kepada isteri, dan selebihnya akan diberi kepada anak lelaki dan anak perempuan (dengan pertalian darah tetapi tidak termasuk anak luar nikah) dengan nisbah 2:1.

Ahli keluarga bukan Islam tidak berhak mewarisi harta pusaka ahli keluarga Muslim. Anak angkat atau anak tiri tidak berhak mewarisi harta pusaka.

Kesan-kesan lain adalah sama dengan tidak mempunyai wasiat konvensional.

Penyediaan wasiat bertujuan untuk memastikan harta pusaka tersebut akan diagihkan mengikut keutamaan dan kehendak si mati.

### Siapakah Yang Perlu Menulis / Memperbaharui Wasiat?

Wasiat perlu dikemas kini dari semasa ke semasa untuk merangkumi semua aset yang baru diambil alih atau perubahan dalam waris.

Berikut beberapa keadaan yang memerlukan anda menulis atau mengemas kini wasiat anda:

- Perkahwinan, perkahwinan semula atau perceraian
- Memulakan atau menamatkan perniagaan
- Kematian ahli keluarga atau benefisiari
- Pembelian atau pelupusan aset



- Pertukaran agama; contohnya kepada agama Islam, iaitu wasiat terikat kepada Undang-undang Syariah

### Kesimpulan

Lebih penting lagi, anda tidak mahu harta anda diambil alih oleh kerajaan akibat tidak dituntut oleh sesiapa.

Beri perhatian untuk menulis fasal-fasal dalam wasiat tersebut dengan jelas dan sempurna kerana wasiat yang tidak sah atau boleh dicabar adalah sama seperti anda tidak membuat wasiat.

Sumber: [Loanstreet.com.my](http://Loanstreet.com.my)





# Apa Yang Anda Boleh Lakukan Dengan Bonus Tahunan

**A**pabila tiba musim hujung tahun, ramai yang akan menerima bonus tahunan daripada syarikat atau majikan masing-masing. Namun, terdapat individu yang gagal mengurus bonus tersebut dengan baik.

Berikut adalah beberapa cadangan dan perkara yang anda boleh lakukan dengan bonus tahunan anda.

## Selesaikan hutang

Perkara pertama anda perlu lakukan apabila mempunyai lebih wang adalah menyelesaikan hutang anda; sama ada hutang dengan pihak bank, hutang PTPTN, hutang kedai atau individu. Hidup anda lebih tenang apabila tidak terbeban dengan hutang.

Bagi hutang yang melibatkan pelaburan, anda tidak perlu usik atau kurangkan hutang tersebut jika pinjaman atau pembiayaan tersebut masih menguntungkan.

## Tambah pelaburan jangka masa panjang

Selepas berjaya menyelesaikan beberapa hutang, anda boleh mula merancang untuk memulakan pelaburan atau menambah

pelaburan anda. Untuk pelaburan jangka masa panjang, fokus pada dana persaraan dan dana pendidikan anak-anak.

Semakin banyak anda laburkan untuk dana persaraan, semakin cepat anda boleh bersara. Dengan menggunakan bonus tahunan anda setiap tahun, dana persaraan anda lebih terjamin.

## Tambah simpanan kecemasan

Jika sebelum ini, anda hanya menyimpan tiga bulan gaji sebagai simpanan kecemasan, kini anda boleh meningkatkan simpanan tersebut sehingga enam bulan. Semakin berusia, semakin banyak masalah yang bakal / mungkin anda hadapi. Oleh itu, simpanan kecemasan ini boleh dijadikan sebagai satu dana yang akan membantu anda ketika anda memerlukan.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, anda juga perlu bersedia dengan segala kemungkinan yang boleh berlaku seperti kehilangan pekerjaan.



## Tambah tabung untuk pembelian mahal

Tabung untuk pembelian mahal bermaksud satu tabung yang bakal digunakan untuk perbelanjaan yang besar, terutama ketika musim perayaan dan musim awal persekolahan. Ketika itu, banyak perbelanjaan yang akan digunakan.

Tabung ini penting bagi mengelakkan masalah wang gaji dihabiskan untuk perbelanjaan besar tersebut.



Buku rujukan tersebut juga boleh digunakan sebagai panduan untuk mengurangkan cukai pendapatan anda. Lebih banyak ilmu yang anda belajar, semakin banyak idea pengurusan kewangan dan pelaburan yang anda boleh lakukan.

## Tingkatkan pelan perlindungan insurans / takaful anda

Ini juga merupakan masa terbaik untuk anda mengambil pelan perlindungan insurans / takaful atau menyemak semula pelan yang anda sedia ada. Jika sebelum ini jumlah pampasan yang anda ambil hanya RM100,000, anda boleh menambah jumlah tersebut ke satu jumlah yang lebih besar sesuai dengan diri anda.

Selain pampasan, semak juga manfaat kad perubatan anda sama ada masih sesuai atau tidak dengan keadaan semasa. Anda juga boleh menggunakan bonus tersebut untuk menyambung bayaran caruman bagi memudahkan anda membuat caruman setiap bulan.

Sumber: [www.duitkertas.com](http://www.duitkertas.com)

## Tambah ilmu

Selain menambah pelaburan dan simpanan, anda juga perlu meningkatkan lagi ilmu pengurusan kewangan dan pelaburan. Anda boleh menyertai pelbagai seminar atau beli buku rujukan di kedai buku.

*“Selain menambah pelaburan dan simpanan, anda juga perlu meningkatkan lagi ilmu pengurusan kewangan dan pelaburan.”*



# Memilih Kad Perubatan Yang Sesuai



**K**ad perubatan telah menjadi satu keperluan dalam kalangan rakyat Malaysia pada hari ini. Seorang pengguna yang memiliki kad perubatan akan mendapat akses kepada hospital dan klinik swasta yang menawarkan perkhidmatan dengan lebih cepat dan mudah.

Walaupun kepentingannya tidak disangkal, namun pengguna perlu bijak memilih kad perubatan yang bersesuaian dengan keperluan mereka. Pengguna perlu mengimbangi antara kos, aspek liputan rawatan, akses kepada perkhidmatan dan perkhidmatan lain yang disediakan bagi memastikan pengguna mendapat perlindungan yang menyeluruh. Bagi membantu anda dan keluarga anda memilih kad perubatan yang sesuai, berikut adalah beberapa panduan mudah:

## 1. Pastikan had tahunan

Walaupun perlindungan bagi rawatan di hospital agak besar kosnya, tetapi pengguna perlu mempertimbangkan had tahunan sebelum membuat keputusan. Pemegang polisi perlu memahami berapakah jumlah bil yang dibenarkan bagi setiap tahun dan jangka masa perlindungan tersebut.

## 2. Kad perubatan asas atau produk pelaburan

Pengguna perlu memastikan jenis insurans / takaful yang dilanggan – sekiranya ia polisi asas atau yang dipakej sekali

bersama-sama dengan produk pelaburan (*investment linked*). Pengguna dengan polisi asas dan produk pelaburan perlu membayar kadar bulanan yang lebih mahal. Namun begitu, polisi seperti ini mempunyai kelebihan simpanan tunai, yang juga boleh digunakan untuk membayar kadar bulanan bagi satu jangka masa tertentu.

## 3. Bandingkan pakej polisi lain dan pilih yang sesuai dengan anda

Akhir sekali, pengguna perlu memahami jenis dan kos rawatan yang ditanggung oleh polisi. Pengguna juga boleh membandingkan dengan pakej polisi lain atau menambah baik pakej yang sedia ada. Sebagai contoh, terdapat polisi yang memberikan elaun bagi pemegang polisi yang dimasukkan ke dalam wad.

Memiliki kad perubatan adalah satu keperluan, namun pemahaman tentang polisi akan membantu anda apabila ingin mendapatkan rawatan kelak. Pengguna disarankan supaya membaca terma dan syarat polisi serta memahami kepentingan untuk mengisytiharkan penyakit sedia ada bagi mengelakkan kesulitan pada kemudian hari.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

# Senarai Insentif Yang Diterima Golongan B40 dalam Belanjawan 2019

**G**olongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) merupakan penerima manfaat terbesar daripada Belanjawan 2019. Beberapa inisiatif telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi menyalurkan bantuan kepada golongan B40 untuk membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup yang dihadapi oleh golongan tersebut.

## BANTUAN SARA HIDUP (BSH)

BSH adalah sebuah program bantuan yang sebelum ini dikenali sebagai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Beberapa penambahbaikan dilakukan dengan matlamat supaya pemberian ini dapat dilaksanakan dengan lebih bersasar.

Terdapat tiga kategori penerima BSH:

- Isi rumah berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah akan menerima bantuan berjumlah RM1,000.
- Isi rumah berpendapatan bulanan daripada RM2,001 hingga RM3,000 akan menerima bantuan berjumlah RM750.
- Isi rumah berpendapatan bulanan daripada RM3,001 hingga RM4,000 akan menerima bantuan berjumlah RM500.

Selain itu, bantuan tambahan sebanyak RM120 untuk setiap anak berumur 18 tahun ke bawah dan terhad kepada 4 orang, kecuali anak kurang upaya yang tidak dihadkan umur.



## BANTUAN PEMILIKAN RUMAH



Dana berjumlah RM1 bilion yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi membantu golongan yang memiliki pendapatan RM2,300 sebulan dan ke bawah untuk memiliki rumah pertama melalui pembelian rumah mampu milik berharga RM150,000 dan ke bawah.

## SUBSIDI ELEKTRIK

Golongan B40 akan menerima subsidi bil elektrik isi rumah sebanyak RM40. Subsidi ini akan disalurkan khusus kepada golongan miskin dan miskin tegar yang berdaftar di bawah program e-Kasih.



## DANA PERLINDUNGAN KESIHATAN

Sebuah skim jaringan perlindungan kesihatan bakal diperkenalkan bermula Januari 2019 hasil usaha sama kerajaan dan syarikat swasta.

Melalui skim ini, golongan B40 akan mendapat perlindungan kesihatan percuma untuk empat sakit kritikal utama dengan jumlah sebanyak RM8,000. Golongan ini juga layak menerima pendapatan gantian maksimum 14 hari semasa tempoh rawatan pada kadar RM50 sehari.



## SUBSIDI MINYAK BERSASAR

Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu mekanisme pemberian subsidi minyak yang lebih bersasar supaya hasrat utama kerajaan untuk membantu golongan yang layak untuk menerima bantuan, berjaya dicapai. Hanya golongan sasaran yang layak akan menerima subsidi tersebut. Apabila subsidi ini dilaksanakan, harga minyak petrol RON95 akan diapungkan.

Melalui mekanisme subsidi bersasar ini, kerajaan akan memberi subsidi minyak sebanyak 30 sen seliter kepada pemilik kereta persendirian dengan enjin berkapasiti 1,500cc ke bawah dan motosikal berkapasiti enjin 125cc ke bawah (tidak termasuk kenderaan di bawah kategori kenderaan mewah). Pemberian subsidi minyak ini hanya terhad kepada 100 liter minyak sebulan bagi kereta dan 40 liter bagi motosikal.

Sebanyak RM2 bilion peruntukan akan disalurkan bagi pelaksanaan subsidi minyak ini dan dijangkakan akan memberi manfaat kepada lebih 4 juta pemilik kereta dan 2.6 juta pemilik motosikal.



Sumber: kapital.my

# Mengenal Pasti Penipuan Kewangan Berkaitan Pinjaman Peribadi



**T**idak dinafikan pinjaman peribadi adalah satu kemudahan kewangan yang popular dalam kalangan rakyat Malaysia. Sehingga hari ini, ramai rakyat Malaysia mempunyai pinjaman peribadi dan mendapat manfaat daripadanya.

Jika digunakan untuk kebaikan, pinjaman peribadi banyak memberi manfaat kepada setiap individu. Contohnya, untuk membaiki rumah, membantu ibu bapa, menguruskan hutang, dan juga sebagai modal untuk perniagaan.

Namun, anda perlu berhati-hati terhadap pinjaman peribadi yang ditawarkan; terutamanya jika pinjaman tersebut tidak ditawarkan oleh bank. Bank Negara Malaysia (BNM) juga sering memberi nasihat dan peringatan kepada orang ramai supaya lebih berhati-hati dengan tawaran pinjaman peribadi daripada pihak yang tidak dikenali.

Kami ingin kongsi dengan anda beberapa cara untuk mengenal pasti penipuan kewangan berkaitan pinjaman peribadi.

## 1. Tawaran melalui media sosial

Pernahkah anda melihat iklan di media sosial, seperti *Facebook*, *Instagram*, *WeChat* atau *Twitter*, berkenaan tawaran pinjaman peribadi yang boleh diluluskan walaupun nama anda sudah disenarai hitam? Jangan terkejut kerana perkara tersebut sudah menjadi kebiasaan untuk pemberi pinjaman peribadi melakukan penipuan.

Ini adalah perkara yang paling mudah untuk anda mengenal pasti pemberi pinjaman peribadi tersebut adalah betul atau sekadar satu penipuan. Sebenarnya, tawaran seperti ini adalah satu berita gembira kepada

individu yang tidak layak mendapatkan pinjaman peribadi daripada pihak institusi kewangan.

## 2. Pinjam RM5,000, bayar RM5,000

Cara lain yang membolehkan anda mengetahui pemberi pinjaman tersebut menipu adalah melalui tawaran pinjaman tanpa faedah atau keuntungan di pihak pemberi pinjaman.

Contohnya adalah seperti tawaran, 'Pinjam RM5,000, Bayar RM5,000'. Ini bermakna, pihak pemberi pinjaman menawarkan pinjaman tanpa kadar faedah atau keuntungan.

Seperti kita tahu, setiap syarikat pemberi pinjaman adalah satu perniagaan dan sudah pasti mahukan keuntungan daripada setiap pinjaman yang ditawarkan. Jadi, sangat mustahil untuk sesuatu syarikat memberi perkhidmatan mereka tanpa menjana keuntungan.

Selain itu, anda juga perlu berhati-hati jika ada syarikat pemberi pinjaman yang memberikan kadar faedah yang terlalu rendah sehingga kurang daripada kadar faedah semasa sebagaimana yang ditawarkan oleh pihak institusi kewangan.

## 3. Bayaran awal dan pendahuluan

Modus operandi yang biasa dilakukan oleh syarikat jenis ini adalah dengan memberitahu bahawa permohonan pinjaman tersebut sukar untuk diluluskan. Oleh itu, untuk meluluskan permohonan pinjaman tersebut, peminjam perlu memberi bayaran pendahuluan.

Selepas bayaran awal diterima, syarikat tersebut biasanya akan terus hilang dan tidak dapat dihubungi. Kes seperti ini biasanya berlaku apabila pemohon pinjaman peribadi terlalu mengharap dan terdesak untuk mendapatkan pinjaman peribadi tersebut.

Akhirnya, pinjaman peribadi tidak dapat, kerugian pula yang perlu ditanggung.

Selain bayaran awal, syarikat pemberi pinjaman yang ingin menipu anda biasanya akan meminta anda membayar kos pengurusan yang terlalu tinggi.

#### 4. Akaun media sosial palsu

Bagi individu yang aktif dalam dunia media sosial, anda mungkin pernah dihubungi oleh individu yang menawarkan pinjaman peribadi. Kebiasaannya, mereka akan menggunakan gambar wanita cantik untuk mengumpan anda.

Perkara pertama anda boleh lihat ialah gambar pada akaun media sosial tersebut. Jika gambar yang digunakan adalah gambar seperti haiwan atau gambar orang lain, kemungkinan untuk berlaku penipuan adalah tinggi.

Mereka juga gemar untuk menghantar pesanan ringkas (SMS) atau melalui aplikasi *WhatsApp* dengan tawaran yang sangat menarik dan sukar untuk ditolak.

Selain itu, mereka juga lebih gemar untuk memproses segala urusan secara dalam talian sahaja dan tidak perlu berjumpa. Cara ini menjadikan mereka lebih mudah untuk melakukan penipuan kerana tidak perlu berjumpa dengan orang ramai.

#### 5. Memaksa tandatangan

Bagi individu yang sudah diluluskan pinjaman peribadi, mereka perlu menandatangani surat perjanjian sebagai tanda persetujuan.

Jika anda sebagai peminjam tidak diberi peluang untuk membaca isi kandungan perjanjian dan dipaksa menandatangani perjanjian tersebut, itu menandakan anda mungkin akan ditipu melalui perjanjian yang berat sebelah.

Perkara yang sering berlaku adalah apabila peminjam tidak sedar tentang kadar faedah yang mereka ambil adalah terlalu tinggi. Akhirnya, pelanggan terpaksa membayar jumlah pinjaman tersebut sehingga melebihi 10 kali ganda daripada jumlah pinjaman.

## Bagaimana Jika Anda Sudah Tertipu dan Apa Yang Perlu Dilakukan?

Jika anda merupakan mangsa skim penipuan pinjaman peribadi, anda boleh lakukan perkara-perkara berikut:

### 1. Buat laporan polis

Pertama sekali, sila buat laporan di balai polis. Tujuan laporan polis dilakukan adalah supaya pihak polis boleh membantu jika terdapat penipuan dan juga melindungi diri anda daripada sebarang ancaman.

Berdasarkan Seksyen 420 Kanun Keseksaan, penipuan tersebut akan disiasat dan si penipu boleh dipenjara maksimum 10 tahun serta boleh dikenakan denda jika bersalah.

### 2. Dapatkan nasihat daripada penasihat kewangan

Anda mungkin menghadapi masalah yang lebih teruk untuk mengurus kewangan anda selepas terjebak dalam penipuan pinjaman peribadi tersebut. Oleh itu, cara terbaik adalah untuk mendapatkan nasihat kewangan supaya pengurusan kewangan anda menjadi lebih baik.

### 3. Sebarkan nama penipu tersebut

Jangan berasa malu untuk kongsi pengalaman anda ditipu oleh syarikat pinjaman peribadi. Perkongsian tersebut mungkin berjaya menyelamatkan ramai lagi individu daripada terjebak dalam penipuan yang sama dan mungkin mengalami kerugian yang lebih besar.


Akhir kata, jika anda ingin mendapatkan pinjaman peribadi, pastikan anda memohon daripada syarikat atau melalui saluran yang betul supaya tidak tertipu.

Sumber: *iMoney.my*





# BAHAYA KELDAI AKAUN



Jangan **SERAHKAN KAD ATM** anda kepada orang lain.



Akaun Bank anda mungkin disalah guna untuk tujuan **PENIPUAN**.



Anda **BOLEH DIDAKWA** secara *Fraud* membantu menyembunyikan harta orang lain yang membawa hukuman **PENJARA**, boleh sampai 5 tahun atau **DENDA** atau kedua-duanya.



Siasatan Jenayah Siber & Multimedia  
JSJK Bukit Aman

# JANGAN JADI MANGSA PENIPUAN MEREKA HANYA MAHUKAN WANG ANDA


Jangan tertipu sekiranya anda menerima panggilan atau mesej yang mendakwa dari Bank Negara Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, polis, mahkamah atau bank yang meminta anda memindahkan wang untuk tujuan keselamatan

## INI SATU PENIPUAN

Jangan terpedaya  
Tamatkan perbualan dengan serta-merta

Jika ada keraguan,  
sila hubungi BNMTELELINK

# 1300-88-5465



Mereka menipu mangsa dengan memberitahu:

- Anda terlibat dalam kegiatan haram
- Kredit kad anda telah digunakan
- Anda mempunyai cukai yang tertunggak atau pinjaman yang belum dijelaskan



**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA